

## Bilakah ubat biskita siap untuk diambil?

WAKTU PESANAN UBAT BULANAN	WAKTU UBAT SIAP UNTUK DIAMBIL *
Sabtu	Rabu
Isnin	Khamis
Selasa	Sabtu
Rabu	Isnin minggu seterusnya
Khamis	Selasa minggu seterusnya

(\* Tempoh 3 hari dan tidak termasuk cuti kelepasan awam, hari Jumaat dan Ahad)

Hari mengambil ubat akan diganjakkan pada hari seterusnya jika :

- emel dibuat selepas waktu bekerja
- hari mengambil ubat jatuh pada hari kelepasan awam, .

## Di MANA mengambil ubat yang dipesan?

- Ambil ubat di Farmasi yang dihubungi  
Ambil di kaunter yang ditetapkan.
- Beratur dengan sabar mengikut giliran awda.

## Peringatan Penting

- Pastikan ubat awda telah dipesan doktor dalam sistem Bru-HIMS.
- Pastikan bekalan bulanan di rumah masih mencukupi untuk **7 hari** sebelum biskita membuat pesanan untuk ubat bulanan.
- Jika biskita kehabisan bekalan ubat atau memerlukan ubat dengan segera sila datang ke farmasi untuk mendapatkan bekalan ubat seperti biasa.
- Semasa mengambil ubat, biskita dikehendaki membawa **kad pendaftaran Bru-HIMS** atau bukti pengenalan awda.
- Biskita mesti mengambil ubat dalam tempoh **5 hari** selepas ubat biskita siap untuk di ambil. Ubat-ubatan yang tidak diambil dalam tempoh tersebut akan dikembalikan kepada stok farmasi dan biskita dikehendaki mengambil nombor giliran baru.



## JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI

Nada masa untuk  
mengambil ubat bulanan?  
Inda mahu menunggu  
lama?  
Payah cari parking?

*Kami ada cara untuk  
mengurangkan masa  
menunggu bekalan ubat  
awda....*

*Perkhidmatan*  
**SANANG AMBIL**  
(Easy Collect)



Telefon



Emel

Cubalah perkhidmatan  
terbaru yang kami sediakan

## Siapakah yang **BOLEH** menggunakan perkhidmatan ini?

Perkhidmatan ini terbuka untuk pesakit yang berdaftar dalam sistem Bru-HIMS dan pesanan ubat telah dimasukkan ke dalam sistem Bru-HIMS.

## Siapakah yang **DIKECUALIKAN** dari menggunakan perkhidmatan ini?

- Pesakit yang perlu membayar kos ubat mereka.
- Pesakit yang memerlukan ubat serta-merta.

## Bilakah **MASA** untuk **MEMESAN** dan mengambil ubat?

### Melalui telefon:

Isnin hingga Khamis, dan Sabtu 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari dan 1.30 petang hingga 4.00 petang  
Kecuali pada hari Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam.

### Melalui Emel:

Bila-bila masa

Pesanan yang diterima selepas waktu bekerja akan diproses pada hari berkerja seterusnya.

## Cara **MENGGUNAKAN** perkhidmatan ini:

1

Telefon/emel farmasi sekurang-kurangnya 3 hari bekerja sebelum awda mengambil ubat dan berikan:

- Nama penuh
- Nombor Bru-HIMS
- Nombor telefon

2

Catit nombor pesanan yang diberikan oleh farmasi.

3

Bawa Kad Pendaftaran Bru-HIMS ke kaunter yang ditetapkan.

4

Nyatakan nombor pesanan biskita dan tarikh pesanan panggilan dibuat.

## Cara **MEMESAN** ubat:

**Pesanan ubat boleh dibuat secara terus melalui TELEFON atau EMEL ke nombor telefon atau alamat emel berikut:**

HOSPITAL/PUSAT KESIHATAN	NO. TELEFON	Emel.
RIPAS, BSB	2223765	ecpharmacy.ripash@moh.gov.bn
PMMPMHAMB, Tutong	4220956	ecpharmacy.pmmh@moh.gov.bn
SSB, Kuala Belait	3340424	ecpharmacy.ssbh@moh.gov.bn
PK PAPHMWHB, Gadong	2428246	ecpharmacy.gadonghc@moh.gov.bn
PK Berakas, Lambak kanan	2340319	ecpharmacy.berakashc@moh.gov.bn
PK Muara	2770124	ecpharmacy.muarahc@moh.gov.bn
PK Jubli Emas, Bunut	2652714	ecpharmacy.bunuthc@moh.gov.bn
PK Sg Liang	3230830	ecpharmacy.sglianghc@moh.gov.bn
PK Pekan Tutong	4220662	ecpharmacy.tutonghc@moh.gov.bn
PK Telesai	4244457	Ecpharmacy.telisaih@moh.gov.bn

Dikemaskini pada 6hb Februari 2017